

**Himpunan**

**senjata**

14.11

25.12/08

M/s 8

# tradisional

Pameran di Muzium Negara  
beri peluang dekati warisan  
bernilai estetika, unsur mistik



**S**EJAK berzaman, keris dikatakan memiliki 'semangat' dan 'kuasa' yang dikatakan boleh membawa tuah atau malang kepada pemiliknya.

Betapa kuatnya pengaruh senjata tradisional ini, ia menjadi kayu pengukur kepada status, darjah kebesaran, malah lambang kepada kedaulatan keluarga raja.

Rahsia dan kisah di sebalik senjata warisan ini dapat anda hayati sekiranya berkunjung ke pameran Senjata Tradisional: Misteri dan Kesaktian di Muzium Negara. Ia dirasmikan Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KPKKW), Datuk Mohd Shafie Apdal.

Sebanyak 503 koleksi senjata termasuk sundang, tumbuk lada, batu perajurit, kapak, buku lima, pisau, belantan, pedang dan parang yang ada sudah mencecah usia 100 tahun bakal dipamerkan kepada orang ramai.

Penganjur juga turut bekerjasama dengan muzium di rantau ini bagi mendapatkan senjata menarik termasuk Pedang Cina Wishu, Tombak Cina, Pedang Timor-Timur, Keris Jawa, Ancus India, Lading Sumatera, Keris Pengawinan Madura dan Parang Bengkong India.

Pameran yang julung kali diadakan ini juga bakal menyaksikan keris lama dipercayai milik Sultan Selangor, Sultan Sulaiman Shah, dalam era pemerintahannya sekitar 1880-an, Keris Cik Siti Wan Kembang (1610-1677) dan Keris Sultan



**SIMBOL STATUS...**pelbagai bentuk keris lama.

## >Info

>Pameran "Senjata Tradisional: Misteri dan Kesaktian" berlangsung selama empat bulan sehingga 20 April tahun depan. Bertempat di Galeri 2, Muzium Negara, pameran ini dibuka antara jam 9 hingga 6 petang setiap hari. Maklumat lanjut, hubungi 03 2282 6255.

Mansur Shah (1458-1477).

Lebih mendebarkan, pengunjung yang belum kenal dengan senjata pahlawan Iban di Sarawak dikenali Parang Illang boleh menyaksikannya sendiri di ruang pameran. Antara lain, ia digunakan sebagai senjata dalam amalan warisan memburu kepala musuh yang menjadi tradisi masyarakat peribumi itu.


Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia, Ibrahim

Ismail, berkata senjata tradisional warisan turun temurun yang memiliki nilai estetika tinggi dan berkait rapat dengan elemen pertempuran, pertahanan dan keselamatan, selain dikaitkan dengan unsur mistik.

"Ada segelintir masyarakat Melayu yang masih mempercayai senjata tradisional Melayu memiliki unsur seperti misteri dan kesaktian, misalnya keris pada zaman dahulu dipercayai sebagai alat pembawa semangat dan keramat di samping melambangkan daya fikir orang Melayu.

"Sebilangan lagi percaya keris mempunyai unsur magis dan kuasa luar biasa yang dapat memberi tuah kepada pemiliknya atau sebaliknya," katanya selepas majlis merasmikan pameran itu, baru-baru ini.

Menurutnya, tujuan pameran bukan menanamkan kepercayaan karut mengenai kesaktian senjata masyarakat dahulu, sebaliknya memberi pendedahan kepada orang ramai mengenai warisan negara yang tidak ternilai harganya.



**WARISAN...**senjata lama.

